

# Kerajaan akan terus amalkan dasar jimat cermat — PM

DAK. 50 NOV 1988

KUALA LUMPUR 29 Nov. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan terus mengamalkan dasar berjimat cermat walaupun ekonomi negara telah pulih.

“Kerajaan tidak mampu untuk berbelanja mewah seperti sebelumnya walaupun pendapatan negara kini telah bertambah dan akaun semasa negara telah mencatatkan lebihan,” katanya.

Menurut beliau, kawalan perbelanjaan yang diamalkan oleh kerajaan dan sektor swasta ini telah berjaya mengurangkan kadar inflasi sebanyak 1 peratus.

“Ini telah menolong mengawal kejatuhan nilai ringgit dan kuasa membeli kecuali ke atas barang-barang import,” katanya semasa berucap merasmikan Persidangan Masa Depan Kebangsaan di sini pagi ini.

Perdana Menteri juga berharap sektor swasta dapat membantu kerajaan dalam usaha ini melalui penglibatan yang lebih aktif dalam aktiviti ekonomi negara.

Katanya, kerajaan telah melonggarkan banyak syarat termasuk pegangan ekuiti asing di samping menawarkan insentif - insentif cukai yang lain dalam belanjawan 1989 yang lalu.

“Sekarang terpulung kepada sektor swasta untuk merebut peluang itu. Segala - galanya terletak di tangan mereka,” katanya lagi.

Bagi mengawal, perbelanjaan di sektor awam, kerajaan akan terus meneruskan mencuba mengubah sikap pengurus - pengurus syarikat - syarikat kerajaan supaya me-

reka menguruskannya dengan lebih cekap, bukan sekadar untuk makan gaji semata - mata.

“Adalah penting pengurus - pengurus syarikat kerajaan ini menguruskan syarikat - syarikat itu seperti perniagaan sendiri daripada satu perkhidmatan kebajikan,” kata beliau.

Bagaimanapun, katanya, sejak kebelakangan ini telah ada tanda - tanda menunjukkan sikap pengurus - pengurus berkenaan berubah dan mula mengorientasi diri masing - masing dengan falsafah perniagaan.

Berhubung dengan pencapaian ekonomi negara, Perdana Menteri berkata, pertumbuhan sebenar dijangka mening-

kat kepada 7.4 peratus berbanding dengan kosong pada 1985.

Pada suku tahun pertama tahun ini, katanya, keluaran dalam negara kasar (GDP) tumbuh pada kadar 10.6 peratus dengan sektor perkilangan mendahului sektor lain apabila mencatatkan kenaikan pertumbuhan kepada 19.6 peratus.

“Pencapaian dalam suku tahunan kedua itu adalah yang kedua terbaik sejak suku tahun pertama 1980,” ujar beliau.

Menurut beliau prestasi baik itu adalah hasil dari kenaikan eksport negara, pemulihan harga komoditi dan pertumbuhan yang tinggi dalam sektor perkilangan.